

# Anwar bertemu rakan sejawat di Dubai

**Dubai:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum yang juga pemerintah Dubai.

Pertemuan itu berlangsung di Istana Za'abeel, di sini.

Ketika pertemuan berkenaan,

kedua-dua pemimpin membincangkan usaha mengukuhkan hubungan dua hala serta meneroka peluang dalam tenaga boleh diperbaharui, keterjaminan makanan dan tenaga, kecerdasan buatan dan pusat data serta isu serantau dan global yang menjadi perhatian bersama.

Turut sama pada pertemuan

berkenaan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Lawatan kerja tiga hari ke UAE adalah atas jemputan Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum bagi menghadiri Minggu Kelestarian Abu Dhabi

(ADSW). Anwar tiba di Abu Dhabi pada Ahad lalu.

Terdahulu, Anwar memulakan lawatan hari kedua beliau dengan perjumpaan bersama pihak pengurusan tertinggi Dana Kekayaan Berdaulat negara itu iaitu Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA), Mubadala dan Masdar di Abu Dhabi.

BERNAMA